

Istiadat KONVOKESYEN

Universiti Teknologi MARA Ke-89

2018 • Dewan Agung Tuanku Canselor

Sidang Pertama Istiadat Konvokesyen Universiti Teknologi MARA (UITM) ke-89 di Shah Alam telah berlangsung dengan penuh gilang-gemilang dan disempurnakan oleh YABhg Tun Datuk Seri Panglima Hj. Ahmad Shah Abdullah, Pro-Canselor UITM.

Istiadat yang berlangsung di Dewan Agung Tuanku Canselor, UITM Shah Alam itu merayakan seramai 156 graduan yang terdiri daripada 14 penerima Anugerah Graduan Cemerlang dan 142 penerima Ijazah Doktor Falsafah.

Istiadat pada kali ini turut menyaksikan penganugerahan gelaran Profesor Emeritus kepada YBhg. Profesor Dato' Dr Khalid Yusoff.

Beliau merupakan Dekan Pengasas Fakulti Perubatan UITM dan telah berkhidmat sejak tahun 2004 hingga 2013. Penganugerahan ini merupakan suatu penghargaan oleh universiti atas kepakaran dan sumbangan beliau dalam memastikan kursus-kursus perubatan UITM diiktiraf di peringkat nasional dan antarabangsa.

Istiadat Konvokesyen UITM ke-89 telah berlangsung di 13 buah kampus cawangan bermula 20 Oktober sehingga 28 November 2018 dengan jumlah keseluruhan seramai 24,662 orang graduan.





UiTM Solar Power Sdn Bhd Terima Anugerah IET Malaysia

Pada 22 September 2018 bertempat di Sheraton Imperial Hotel Kuala Lumpur, satu majlis penyampaian anugerah *Institute of Engineering and Tech (IET) Malaysia Industrial Award 2018* telah diberikan kepada salah sebuah anak syarikat UiTM Holdings Sdn Bhd (UHSB) milik Universiti Teknologi MARA (UiTM), iaitu UiTM Solar Power Sdn Bhd (USPSB). Anugerah ini diterima atas pencapaian sumbangan UHSB terhadap alam sekitar, masyarakat serta masa depan sektor industri tenaga baharu di Malaysia melalui pembinaan Jana Kuasa Tenaga Elektrik Solar Photovoltaiik (PV) Berskala Besar berkapasiti 50MWac di Gambang, Pahang.

Jana kuasa solar ini dijangka siap pada hujung tahun ini dan bakal dilengkapi

dengan Pusat Penyelidikan Solar pertama milik UiTM. Pusat penyelidikan solar ini bakal memberi manfaat kepada para penyelidik UiTM dan juga penyelidik luar.

Jana Kuasa Tenaga Solar Photovoltaiik Berskala Besar milik UiTM ini merupakan jana kuasa solar yang terbesar di dunia yang dimiliki dan diselenggara oleh sebuah universiti. Hal ini juga sejajar dengan matlamat kerajaan untuk meningkatkan kadar peratus penjanaan tenaga boleh baharu daripada 2% kepada 25% menjelang tahun 2025. Jana kuasa solar ini mampu menghindari pengeluaran lebih daripada 50,000 tan karbon dioksida setahun dan membolehkan pembekalan tenaga elektrik bersih ke 17,000 buah rumah.



SIDANG REDAKSI

Penaung
Prof. Emeritus Dato' Dr Hassan Said

Penasihat
Alfina Bakar

Ketua Editor
Mohammad Syazwan Mohd

Editor
Aida Ahmad Saipuddin
Nurul Afnieza Md Zain

Pereka Grafik
Mohd Nor Firdaus Mohd Isa

Penulis Berita
Hanisah Yacob
Umi Kazura Zakaria
Nur Idune Hayana Che Mohd
Nor Azlina Nordin
Noor Suhada Sapri (Pelatih Industri)
Nurain Anafrah AbdulSattar (Pelatih Industri)

Jurufoto
Roslan Daud
Shamsul Hidayat Omar
Shazana Shabuddin
Shahida Nordin

Edaran
Asura Rahman

 @VCUITM

 UTM di Hartika
YouTube

 www.utm.edu.my

 UTM Rasmi: www.facebook.com/utmrasm1
Lensa Korporat: www.facebook.com/darilensa korporat



Bahagian Canseleri dan Komunikasi Korporat
Aras 2, Canseleri Tuanku Syed Syajuddin
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam, Selangor

